

▼16/10/00-16MST

CNS7628

U GB 16-10 00228 BH410

AAB

LEAD Mahathir - Ghafar (Bergambar) '''

GHAFAR BABA LETAK JAWATAN TPM

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi ini mengumumkan Encik Ghafar Baba telah mengemukakan perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, surat perletakan jawatan itu diserahkan setiausaha politik Ghafar kepada setiausaha sulit beliau (Dr Mahathir) petang Khamis.

Terdahulu, anak Ghafar, Mohamad Tamrin memberitahu pemberita bahawa bapanya telah mengemukakan surat perletakan jawatan untuk kedua-dua jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar berkuatkuasa semalam (15 Okt).

Ketika ditanya sama ada beliau telah menerima perletakan jawatan itu, Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai banyak masa untuk membuat keputusan mengenainya.

"Saya telah terima suratnya," kata Dr Mahathir kepada pemberita yang awal-awal lagi mengerumuni bilik orang kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sebelum beliau berlepas ke Malta untuk lawatan dua hari. Dari Malta, Perdana Menteri akan berlepas ke Cyprus untuk menghadiri persidangan kemuncak Komanwel.

Desas desus bahawa Ghafar, 68, akan meletakkan jawatan semakin memuncak kebelakangan ini berikutan berakhirnya proses pencalonan bagi jawatan Majlis Tertinggi UMNO pada 30 Sept. Ghafar telah memperolehi tujuh pencalonan bagi jawatan Timbalan Presiden yang disandangnya berbanding 143 yang diperolehi Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan melantik pemangku Timbalan Perdana Menteri kerana tidak perlu untuk berbuat demikian. -- Lagi.

▼16/10/00-19MST

CNS7631

U GB 16-10 00120 BH411

AAR

LEAD Mahathir - Ghafar 2 Kuala Lumpur '''

Ketika ditanya sama ada sesiapa akan memangku jawatan Perdana Menteri semasa ketiadaan beliau, Dr Mahathir berkata, ini tidak perlu.

"Saya masih lagi Perdana Menteri. Di sesetengah negeri, ini jadi masalah kerana mungkin ada rampasan kuasa. Saya tidak menjangka ada sebarang rampasan kuasa", katanya.

Dr Mahathir berkata, perletakan jawatan Encik Ghafar tidak akan menjejaskan lentera kerajaan daripada segi pentadbiran.

Apabila ditanya sama ada beliau terkejut menerima surat itu, Perdana Menteri berkata: "Saya dengar khabar angin juga. Jadi, selepas mendengar khabar-khabar angin itu, saya tidak begitu terkejut."

Mengenai reaksinya, Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau akan meneliti perkara itu apabila tiba masanya. -- Lagi.

▼16/10/01-01MST

CNS7634

U GB 16-10 00152 BH412

AAB

LEAD Mahathir - Ghafar 3 Kuala Lumpur

Mengenai kemungkinan beliau berbincang dengan Ghafar, Dr Mahathir berkata, beliau belum memikirkan tentang perkara itu.

Katanya, beliau juga tidak ada menerima surat perletakan jawatan daripada mana-mana menteri kabinet yang lain.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah menerima surat perletakan jawatan daripada Ghafar sebelum ini.

Beberapa jam sebelum itu, Mohamad Tamrin berkata, bapanya telah meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar berkuatkuasa 15 Okt.

Katanya, Ghafar menghantar surat perletakan jawatan itu melalui setiausaha sulitnya kepada setiausaha sulit Perdana Menteri di pejabatnya di sini, Khamis.

Mohamad Tamrin yang juga Anggota Parlimen Batu Berendam, berkata, Ghafar hanya meletakkan jawatan dalam kerajaan.

Katanya, Ghafar kekal sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Anggota Parlimen Jasin.

Semasa ditanya mengenai di mana Ghafar berada sekarang, Mohamad Tamrin berkata: "Ada di luar negara." -- Lagi.

▼16/10/01-19MST

CNS7635

U GB 16-10 00128 BH413

AAB

LEAD Mahathir - Ghafar 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Anwar, yang berada di Kota Kinabalu, enggan mengulas ketika ditanya pemberita selepas beliau mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin UMNO Sabah.

Menteri Luar: Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang dihubungi di kediamannya di Kuala Lumpur, juga belum mahu mengulas mengenai perletakan jawatan Ghafar.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad pula berkata, semua pihak harus menghormati keputusan Ghafar.

"Perletakan sesuatu jawatan itu juga merupakan satu proses biasa di dalam apa jua organisasi dan ini juga termasuk kerajaan," katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan malam untuk para pegawai Badan Pencegah Rasuah Negeri Sembilan dan Jabatan Belia dan Sukan negeri. -- Bernama.

ES JO MOK RAB 31 KAM.

▼16/10/01-21MST